




MABAHITH FI ULUM AL-QURAN (BAHAGIAN 1)

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Menerangkan Konsep Muhkam dan Mutasyabih:** Peserta kursus akan diperkenalkan dengan pengertian muhkam dan mutasyabih secara ilmiah, pengelasan daripada kedua-dua elemen tersebut secara umum dan khusus.
- b) **Pemahaman Mengenai Am dan Khas:** Memperoleh pengetahuan tentang definisi kedua-dua istilah ini berserta perincian mengenainya seperti jenis lafaz am, takhsis dan pembahagian mukhassis serta hujah para ulama untuk menggunakan lafaz am yang telah ditakhsis.
- c) **Menerokai Ilmu Nasakh dan Mansukh:** Memahami konsep nasakh dan mansukh secara berstruktur, pembahagiannya, pendapat ulama mengenai dalil ketetapanannya disertai dengan contoh-contohnya yang terkandung di dalam al-Quran.
- d) **Memahami Mutlak, Muqayyad serta Mantuq dan Mafhum:** Pendedahan secara terperinci berkenaan mutlaq dan muqayyad dari sudut definisi dan pecahannya disertai dengan dalil daripada al-Quran. Selain itu, peserta dapat mengidentifikasi makna mantuq dan mafhum berserta cabang-cabangnya dalam Mantuq Sarih dan Ghayr Sarih.
- e) **Mendalami Pengertian I'jaz Quran:** Memahami konsep i'jaz al-Quran serta beberapa bentuk cabarannya dalam menghadapi orang Quraisy dan akan mendalami beberapa aspek kemukjizatannya seperti aspek lughawi, ilmiah dan tasyri'.

SESI PERTAMA

MUHKAM DAN MUTASYABIH

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan mempelajari tentang apa yang dimaksudkan dengan muhkam dan mutasyabih secara am dan khasnya serta khilaf ulama dalam mengetahui ayat-ayat mutasyabihat termasuk menyatukan khilaf tersebut dengan memahami makna takwil.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Muhkam & Mutasyabih secara Am
- Muhkam dan Mutasyabih secara Khas
- Perbezaan Pendapat dalam Mengetahui Mutasyabih
- Menyatukan Dua Pendapat dengan Memahami Makna Takwil

SESI PERTAMA: MUHKAM DAN MUTASYABIH

PENDAHULUAN

Bagi permulaan sesi ini, marilah sama-sama kita renungi petikan daripada surah al-Qamar, ayat 17 sebagai refleksi dan pedoman semangat bagi kita untuk menerokai ilmu Quran khususnya berkaitan modul ini, iaitu Ulum Quran:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ۝ ١٧

Maksudnya: *“Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”*

SESI PERTAMA: MUHKAM DAN MUTASYABIH

❖ Muhkam dan Mutasyabih Secara Umum

Muhkam dari sudut bahasa berasal daripada kalimah **حَكَمَ** dan **أَحْكَمَ** yang membawa maksud menahan atau mencegah. **Al-Hukm** bererti memutuskan antara dua hal atau perkara. **Al-Hakim** adalah orang yang mencegah kezaliman, memisahkan antara dua pihak yang bersengketa serta memisahkan antara hak dan batil, benar dan dusta.

Ihkam al-kalam bererti mengukuhkan perkataan dengan memisahkan berita yang benar daripada yang salah dan urusan yang lurus (benar) daripada kesesatan.

Dalil menunjukkan Allah SWT mensifatkan al-Quran sebagai muhkam dalam surah Hud, ayat 1:

الرَّ كِتَابٌ أُحْكِمَتْ آيَاتُهُ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ۝ ١

Maksudnya: *“Alif, Laam, Raa'. Al-Quran sebuah Kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu per satu. (Susunan dan penjelasan itu) adalah dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mendalam pengetahuan-Nya.”*

Maka jelas bahawa al-Quran itu seluruhnya muhkam, secara umum jelas maknanya dan tiada kesamaran, kalimah-kalimahnyanya yang kukuh, fasih (indah dan jelas) dan

membezakan antara yang hak dengan yang batil dan antara yang benar dengan yang dusta. Inilah yang dinamakan sebagai **al-ihkam al-'amm** atau **muhkam secara umum**.

Mutasyabih secara bahasa berasal daripada kalimah **tasyabuh**, iaitu salah satu daripada dua perkara menyerupai yang lain. Manakala **syubhah** pula ialah keadaan salah satu daripada dua perkara tidak dapat dibezakan daripada yang lain disebabkan terdapat persamaan antara kedua-duanya sama ada secara hakikat ('ain) atau makna. Dikatakan bahawa mutasyabih adalah mutamasil (sama) dalam perkataan dan keindahan.

Tasyabuh al-Kalam bermaksud persamaan dan kesesuaian kalimah kerana sebahagiannya membetulkan sebahagian yang lain.

Dalil menunjukkan Allah SWT mensifatkan Al-Quran sebagai Mutasyabih dalam Surah Az-Zumar, ayat 23:

...اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَانِي

Maksudnya: *"Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan, iaitu kitab suci al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai-bagai cara)."*

Berdasarkan dalil di atas, maka jelas bahawa al-Quran itu keseluruhannya mutasyabih. Sebahagian kandungannya serupa dengan sebahagian yang lain dari sudut kesempurnaan dan keindahannya, dan sebahagiannya membenarkan sebahagian yang lain serta sesuai pula dengan maknanya. Inilah yang dinamakan sebagai **at-tasyabuh al-'amm** atau **mutasyabih secara umum**.

Justeru, kedua-duanya muhkam dan mutasyabih bersifat mutlak dan tidak menafikan hak antara satu sama lain.

❖ Muhkam dan Mutasyabih Secara Khas

Di dalam al-Quran menyebutkan berkenaan ayat muhkam dan mutasyabih secara khusus pada surah Ali 'Imran, ayat 7:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ ۚ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ ۗ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِ ۚ كُلٌّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا ۚ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: “Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci al-Quran. Sebahagian besar daripada al-Quran itu ialah ayat-ayat ‘Muhkamaat’ (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamaat itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat ‘Mutasyabihat’ (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbullah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) - adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar daripada al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: ‘Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami.’ Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.”

Terdapat perbezaan pandangan dalam mendefinisikan muhkam dan mutasyabih. Antaranya termasuklah:

- Muhkam ialah ayat yang mudah diketahui maksudnya, sedangkan mutasyabih hanyalah diketahui maksudnya oleh Allah sendiri.
- Muhkam ialah ayat yang hanya mengandungi satu wajah, sedangkan mutasyabih mengandungi banyak wajah.
- Muhkam ialah ayat yang maksudnya dapat diketahui secara langsung tanpa memerlukan keterangan lain, sedangkan mutasyabih memerlukan penjelasan dengan merujuk kepada ayat-ayat lain.

Para ulama memberikan contoh-contoh ayat muhkam dalam al-Quran melalui ayat-ayat nasikh, ayat-ayat tentang halal, haram, hudud (hukuman), kewajipan, janji dan ancaman. Sementara untuk ayat-ayat mutasyabih, ia berbentuk ayat-ayat mansukh dan ayat-ayat tentang asma' dan sifat-sifat Allah SWT.

Antara ayat mutasyabih adalah:

- “Tuhan yang Maha Pemurah yang bersemayam di atas ‘Arsy.” (Surah Taha, ayat 5)
- “Tangan Allah di atas tangan mereka.” (Surah al-Fath, ayat 10)
- Permulaan beberapa surah yang dimulai dengan huruf-huruf hija’iyah antaranya seperti:

الم - المص - طه - يس

❖ Perbezaan Pendapat dalam Mengetahui Mutasyabih

Ulama berbeza pendapat dalam mentafsirkan ayat-ayat mutasyabihat kerana mereka berbeza pendapat dalam memahami kedudukan huruf “Waw” (maksudnya “dan”) dalam ayat surah Ali ‘Imran ayat 7:

وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ ۚ

Berkenaan ayat di atas, ia terbahagi kepada dua pendapat:

1) Tidak boleh difahami

Alasan mereka ialah huruf 'و' itu bukan huruf 'Athaf (kata penghubung), tetapi huruf 'Isti'naf (berfungsi sebagai permulaan perkataan). Oleh itu, maksud ayat itu menjadi: *“Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya kecuali Allah. Dan orang-orang yang mendalami ilmunya...”*

2) Boleh difahami

Alasan mereka ialah huruf 'و' dalam ayat ialah huruf 'Athaf (kata penghubung). Oleh itu, maksud ayat itu menjadi:

“Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya kecuali Allah dan orang-orang yang mendalam ilmunya...”

Pendapat pertama diikuti oleh sejumlah ulama. Antaranya Ubai bin Ka’b, Ibn Mas’ud, Ibn ‘Abbas, sejumlah sahabat, tabi’in dan lainnya.

Pendapat kedua (yang menyatakan "و" sebagai huruf 'Athaf) dipilih oleh segolongan ulama lain yang dipelopori oleh Mujahid. Diriwayatkan daripada Mujahid, ia berkata: “Saya telah membacakan mushaf kepada Ibn Abbas mulai daripada al-Fatihah sampai tamat.

Saya pelajari sampai faham setiap ayatnya dan saya tanyakan kepadanya tentang tafsirannya.”

Pendapat ini dipilih juga oleh an-Nawawi. Dalam Syarah Muslimnya ia menegaskan, inilah pendapat yang paling sahih kerana tidak mungkin Allah menyeru hamba-hamba-Nya dengan sesuatu yang tidak dapat diketahui maksudnya oleh mereka.

❖ Menyatukan Dua Pendapat dengan Memahami Makna Takwil

Dengan merujuk makna takwil, maka jelaslah bahawa antara kedua-dua pendapat di atas itu tidak bertentangan. Hal ini demikian kerana lafaz takwil yang digunakan untuk menunjukkan tiga makna:

- Memalingkan sebuah lafaz daripada makna yang kuat (rajih) kepada makna yang lemah (marjih) kerana ada suatu dalil yang menghendakinya. Inilah pengertian takwil yang dimaksudkan oleh majoriti ulama muta'akhhirin.
- Takwil dengan makna tafsir (menerangkan, menjelaskan), iaitu pembicaraan untuk mentafsirkan lafaz-lafaz agar maknanya dapat difahami.
- Takwil ialah hakikat yang akan dikembalikan maknanya kepada Allah. Maka, takwil daripada apa yang diberitakan Allah tentang zat dan sifat-sifat-Nya ialah hakikat zat-Nya itu sendiri yang suci dan hakikat sifat-sifat-Nya.

PENUTUP

Sebagai penutup kepada sesi ini, marilah sama-sama kita renungi kalam ulama berkenaan al-Quran, iaitu al-Syahid Hasan al-Banna. Beliau berpesan:

“Al-Quran al-Karim ialah sebuah perlembagaan yang lengkap merangkumi seluruh hukum Islam. Al-Quran adalah sumber yang mencurahkan segala kebaikan dan ilmu ke dalam hati yang beriman.”

Semoga ilmu Quran yang dipelajari pada sesi kali ini memberi kebaikan serta menjadikan kita hamba Allah yang sentiasa dahagakan ilmu.

SESI KEDUA

'AM DAN KHAS

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh pengetahuan tentang definisi kedua-dua istilah ini berserta perincian mengenainya seperti jenis lafaz am, takhsis dan pembahagian mukhassis serta hujah para ulama untuk menggunakan lafaz am yang telah ditakhsis.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi Am dan Sighahnya
- Jenis Lafaz Am
- Definisi Khas
- Takhsis Sunnah dengan al-Quran
- Hujah dengan Lafaz Am Selepas Ditakhsis

SESI KEDUA: 'AM DAN KHAS

PENDAHULUAN

Matlamat al-Quran diturunkan bukan sekadar untuk dibaca bahkan Allah menyeru seluruh hambanya untuk menghayati inti pati al-Quran sebagaimana firman-Nya dalam surah Saad ayat 29:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ

Maksudnya: “(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.”

Pada sesi kali ini, mari sama-sama kita menelusuri pembelajaran tentang ilmu am dan khas cara ia diinterpretasikan dalam Quran.

❖ DEFINISI AM DAN SIGHAH UMUM

Am adalah lafaz yang meliputi makna yang bersesuaian dengannya tanpa batasan (secara keseluruhan). Ia merujuk kepada bilangan yang banyak dengan hanya menggunakan satu istilah atau ungkapan.

Antara sighah atau tanda yang menunjukkan sesuatu kalimah tersebut adalah umum seperti:

- Lafaz (معشرة, كافة, جمع, كل), iaitu bermaksud seluruh, semua atau setiap. Surah Ali 'Imran, ayat 185:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ

Maksudnya: “**Setiap** yang bernyawa pasti akan merasai mati.”

Surah al-Baqarah, ayat 29:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

Maksudnya: “Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu **segala** yang ada di bumi.”

Surah as-Saba', ayat 28:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا **خَافَّةً** لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا

Maksudnya: "Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia **seluruhnya**, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar)."

Surah al-An'am, ayat 130:

يُمَعِّشَر الْجِنَّ وَالْإِنْسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ ءَايَاتِي وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَاءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا

Maksudnya: "Wahai **sekalian** jin dan manusia! Bukankah telah datang kepada kamu Rasul-rasul daripada kalangan kamu sendiri, yang menyampaikan kepada kamu ayat-ayat-Ku (perintah-perintah-Ku), dan yang memberikan amaran kepada kamu tentang pertemuan kamu dengan hari (kiamat) ini?"

- **Lafaz mufrad yang dima'rifatkan dengan alif-lam**, Surah al-Baqarah, ayat 275:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: "Padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba."

- **Lafaz jamak yang dita'rifkan dengan idhafah**, Surah an-Nisa', ayat 11:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي **أَوْلَادِكُمْ**

Maksudnya: "Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu."

- **Isim mausul**, seperti: التي، الذين، ما، الذي

An-Nisa', ayat 34:

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ ٥

Maksudnya: "Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya)."

- **Isim isyarat**, seperti: **ذَلِكَ ، هَذَا ، تِلْكَ**

An-Nisa', ayat 13:

تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ ۚ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ۚ وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Maksudnya: “Segala hukum yang tersebut adalah batas-batas (syariat) Allah. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar.”

- **Isim Nakirah** dalam bentuk nafi atau nahi:

Terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ

Maksudnya: “Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya ada sebesar zarah perasaan sombong.”

(Sahih Muslim [51])

❖ JENIS AM

Am terbahagi kepada **3 bahagian**:

- **Lafaz ‘Am yang tetap keumumannya (عمومه على الباقي)**

iaitu al-‘am yang terdapat qarinah (petunjuk) yang menafikan pengkhususannya (takhsis). Surah Hud, ayat 6:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

Maksudnya: “Dan tiadalah sesuatu pun daripada makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (lohmahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan).”

Ayat ini menetapkan sunnatullah yang tidak menerima perubahan, maka ayat ini kekal bersifat umum dan ia merangkumi kesemua maknanya (afradnya) secara berterusan dan berkekalan.

Am yang bermaksud khusus secara qathi’e, iaitu am yang disertakan dengan qarinah (petunjuk) yang menafikan ia berterusan dalam keadaan umum.

- **Lafaz Am yang bermakna khas (الخصوص به المراد العام)**

Lafaz am yang disertai qarinah yang menghilangkan erti umumnya. Surah Ali ‘Imran, ayat 175:

إِنَّمَا ذَلِكُمُ الشَّيْطَانُ

Maksudnya: “Sesungguhnya (pembawa berita) yang demikian itu ialah syaitan.”

Sungguhpun terdapat isim isyarat, iaitu ذَلِكُمْ yang umum itu merujuk kepada syaitan seperti yang dijelaskan pada kalimah yang seterusnya.

- **Am yang dikhususkan (المخصوص العام)**

Surah Ali 'Imran, ayat 97:

وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا

Maksudnya: “Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya.”

Firman Allah Ta’ala مَنِ اسْتَطَاعَ menunjukkan bahawa yang dikehendaki dengan am, iaitu الناس ialah mereka yang mampu, maka tidaklah merangkumi sekalian manusia seperti mereka yang tidak mampu, kanak-kanak dan orang-orang gila.

❖ DEFINISI KHAS

Khas menurut bahasa ialah lawan kepada am.

Manakala menurut istilah khas membawa maksud sebagai suatu lafaz yang digunakan untuk menunjukkan pengertian dan maksud yang khusus terhadap individu seperti nama orang.

Selain itu, ia juga menunjukkan khas terhadap sesuatu jenis seperti manusia. Antara lafaz lain ialah lafaz yang menunjukkan terhadap sesuatu jantina seperti lelaki dan perempuan. Ia juga merangkumi lafaz bilangan seperti sepuluh, dua puluh dan sebagainya. Menurut kesepakatan para ulama setiap lafaz yang khas menunjukkan pengertian yang qat’ie.

Firman Allah dalam surah al-Ma’idah, ayat 89:

فَكَفَّرَتْهُ اِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسْكِيْنَ

Maksudnya: “Maka bayaran dendanya ialah memberi makan **sepuluh** orang miskin.”

Takhsis pula bermaksud mengkhususkan. Ini menunjukkan bahawa takhsis ialah mengeluarkan sebahagian daripada lafaz am berdasarkan dalil. Oleh itu, lafaz am yang telah ditakhsiskan akan membawa maksud yang khusus.

Mukhassis membawa maksud mengecilkan skop atau maksud lafaz am tersebut.

Mukhassis pula dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:

- **Mukhassis Muttasil**

Ia bermaksud tidak berasingan dengan lafaz am. Ia terbahagi kepada lima jenis:

a. **Istithna'.** Surah al-'Asr, ayat 2 dan 3:

إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۚ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَصَّوْا بِالْحَقِّ وَتَوَصَّوْا بِالصَّبْرِ ۝

Maksudnya: "Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."

Lafaz "انسان", iaitu manusia adalah umum meliputi semua manusia berada dalam kerugian tetapi lafaz istihna', iaitu "إلا" di sini mengeluarkan mereka yang mengerjakan amal kebajikan dan berpesan untuk kebenaran daripada lafaz umum "انسان".

b. **Syarat.** Surah an-Nisa', ayat 12:

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَّمْ يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٌ ۖ

Maksudnya: "Dan bagi kamu satu perdua daripada harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak."

Ketiadaan anak dalam lafaz di atas menjadi syarat bagi membolehkan suami mendapat sebahagian daripada harta isterinya.

- c. **Sifat.** Surah an-Nisa', ayat 25:

وَمَنْ لَّمْ يَسْتَطِعْ مِنْكُمْ طَوْلًا أَنْ يَنْكِحَ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ فَمِنْ مَّا مَكَثَ
أَيْمَانُكُمْ مِنْ فَتْيَاكُمْ الْمُؤْمِنَاتِ ؕ

Maksudnya: “Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan yang baik-baik (yang merdeka, yang terpelihara kehormatannya) lagi beriman, maka bolehlah kamu berkahwin dengan hamba-hamba perempuan yang beriman yang kamu miliki.”

Lafaz **فَتْيَاكُمْ** yang terkandung pada ayat 25 surah an-Nisa' di atas ialah am merangkumi hamba yang beriman atau kafir tetapi apabila disifatkan dengan **الْمُؤْمِنَاتِ**, maka ia terbatas kepada hamba-hamba perempuan yang beriman sahaja.

- d. **Ghayah (غاية)**, surah al-Ma'idah, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah), iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua-dua belah tangan kamu meliputi siku.”

Lafaz **أَيْدِيكُمْ** meliputi seluruh tangan tetapi lafaz **المَرَافِقِ** adalah ghayah yang membataskan tangan menurut pengertian yang umum kepada had siku sahaja.

- e. **Sebahagian Menggantikan Keseluruhannya.** Surah Ali 'Imran, ayat 97:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ؕ

Maksudnya: “Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya.”

Lafaz **استطاع** ialah badal (gantian) kepada **الناس**. Maka kewajipan haji hanya khusus bagi mereka yang berkemampuan.

- **Mukhassis Munfasil**

la bermaksud **berasingan daripada lafaz am**. la merupakan dalil yang bukan merupakan sebahagian daripada lafaz am seperti takhsis oleh Quran, hadis, ijmak dan qiyas.

a. Quran ditakhsis oleh Quran. Surah al-Baqarah, ayat 228:

وَالْمُطَلَّاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ ۖ

Maksudnya: *“Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (daripada berkahwin) selama tiga kali suci (daripada haid).”*

Ayat di atas bersifat umum dan ditakhsis oleh ayat dalam surah at-Talaq, ayat 4:

وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ ۚ

Maksudnya: *“Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya.”*

b. Quran ditakhsis oleh hadis. Surah al-Baqarah, ayat 275:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ

Maksudnya: *“Padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba.”*

Ayat di atas telah ditakhsiskan dengan hadis Nabi yang diriwayatkan daripada Ibn Umar:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- نَهَى عَنْ بَيْعِ حَبْلِ الْحَبْلَةِ -وَكَانَ بَيْعًا يَبْتَاعُهُ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ- كَانَ الرَّجُلُ يَبْتَاعُ الْجُرُورَ إِلَى أَنْ تُنْتَجَ النَّاقَةُ، ثُمَّ تُنْتَجَ الْتِي فِي بَطْنِهَا

Maksudnya: *Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang menjual janin – jual beli ini dilakukan oleh masyarakat Jahiliyyah – Seseorang menjual unta sehingga unta tersebut mengandung, kemudian menjual janin yang ada di perutnya.”*

(Riwayat al-Bukhari [2143] dan Muslim [1514])

c. Quran ditahksis oleh ijmak. Surah al-Jumu'ah, ayat 9:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ
ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”

Di samping itu, ayat di atas telah ditakhsiskan dengan **ijmak** dalam kalangan ulama berkenaan kewajipan solat Jumaat hanya ke atas orang lelaki, Muslim, baligh yang bermukim di sesuatu tempat dan tiada keuzuran baginya, yang membolehkan dia meninggalkan solat Jumaat secara berjemaah serta tidak wajib kepada kaum wanita dan hamba abdi.

Kesimpulannya, al-am adalah sesuatu yang membawa maksud yang luas tanpa dibataskan dengan sesuatu. Oleh itu, al-khas berperanan untuk mengecilkan atau mengkhususkan maksud al-am yang luas tersebut. Melalui penggunaan al-am dan al-khas, dapat difahami bagaimana terbentuknya sesuatu hukum dan jelaslah bahawa al-am dan al-khas merupakan salah satu daripada kaedah pengambilan hukum.

❖ TAKHSIS SUNNAH DENGAN AL-QURAN

Ada ketikanya ayat Quran boleh mentakhsis hadis. Contohnya daripada Ibn Umar meriwayatkan Nabi Muhammad SAW bersabda:

مَا قُطِعَ مِنَ الْبَهِيمَةِ وَهِيَ حَيَّةٌ فَمَا قُطِعَ مِنْهَا فَهُوَ مَيْتَةٌ

Maksudnya: “Apa sahaja bahagian yang telah dipotong daripada haiwan yang hidup dikira bangkai.”

(Riwayat Abu Daud [2858])

Ayat ini ditakhsis oleh ayat daripada surah an-Nahl, ayat 80:

وَمِنْ أَصْنَافِهَا وَأُوبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَثَثًا وَمَتَلَعًا إِلَىٰ حِينٍ

Maksudnya: “Dan (la juga menjadikan bagi kamu) daripada berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai-bagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakannya) hingga ke suatu masa.”

Berdasarkan ayat di atas, bulu-bulu dan kulit binatang ternak dijadikan sebagai barang perkakas dan perhiasan. Sheikh khatib al Shirbini menjelaskan lagi mafhum ayat tersebut di dalam karya beliau: (4)

وَهُوَ مَحْمُولٌ عَلَىٰ مَا إِذَا أُخِذَ بَعْدَ التَّذْكِيَةِ

Maksudnya: “la digunakan (kulit binatang) setelah diambil selepas daripada sembelihan.”

(Lihat Mughni al-Muhtaj: 1/235)

❖ HUKUM DENGAN LAFAZ AM SELEPAS DITAKHSIS

Para ulama berbeza pendapat tentang boleh atau tidak berhujah dengan lafaz am selepas ditakhsis. **Pendapat yang dipilih para ahli ilmu menyatakan boleh berhujah dengan lafaz am terhadap apa-apa lafaz yang dikhaskan.** Tetapi hujah seumpama itu tidak diterima oleh Isa bin Aban dan Abu Thaur.

Al-Balkhi berkata: “Jika lafaz am ditakhsis dengan dalil muttasil seperti syarat, sifat dan istisna (pengecualian), maka ia boleh menjadi hujjah. Tetapi jika ditakhsis dengan dalil munfasil, maka ia bukan hujjah.” Mereka mengemukakan dalil-dalil seperti ijmak, dan dalil ‘aqli (rasional).

- Ijmak

Peristiwa yang berlaku ketika puteri Rasulullah SAW, Sayidatina Fatimah r.ha patuh kepada Abu Bakar hak waris daripada ayahnya (Rasulullah) dengan dasar hujah keumuman ayat (an-Nisa': 11) yang bermaksud:

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan.”

Ayat ini telah pun ditakhsis bahawa orang kafir dan orang yang membunuh tidak mendapat warisan. Tetapi, tiada seorang sahabat Nabi pun mengingkari kekuatan hujah Fatimah. Sebaliknya menjadi ijmak sahabat bahawa Nabi SAW tidak mewariskan harta kepada ahli keluarganya termasuklah kepada Fatimah. Maka dengan itu, Abu Bakar berhujah dengan sabda Nabi SAW:

نَحْنُ مَعَاشِرَ الْأَنْبِيَاءِ لَا نُورِثُ، مَا تَرَكْنَا فَهُوَ صَدَقَةٌ

Maksudnya: *“Kami para Nabi tidak mewariskan, apa yang kami tinggalkan menjadi sedekah.”*

(Riwayat Muslim [1758])

- Dalil Aqli

Kedua, di antara dalil aqli ialah bahawa menurut ijmak ulama, lafaz am sebelum ditakhsis akan menjadi hujah bagi segala sesuatu yang terkandung di dalamnya. Adapun yang belum ditakhsis ia tetap boleh diguna pakai walaupun selepas adanya takhsis, kecuali jika ada dalil yang menjelaskannya. Dalam hal ini, tiada ada dalil yang menyatakan sedemikian. Maka itu, lafaz am selepas ditakhsis tetap boleh menjadi hujah.

PENUTUP

Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a., sabda Nabi SAW:

وَمَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: *“Dan sesiapa yang menyebut (sesuatu) berkenaan al-Quran dengan pendapatnya sendiri, maka sedialah tempatnya di dalam neraka.”*

(Riwayat al-Tirmizi [3205])

Hadis di atas adalah sebagai peringatan kepada kita supaya tidak memandai-mandai atau berkata mengenai sesuatu ilmu yang tidak diketahui olehnya. Semoga dengan asbab kita mempelajari ilmu ini dapat menjauhkan kita daripada perkara sedemikian.

SESI KETIGA

NASAKH DAN MANSUKH

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memahami konsep nasakh dan mansukh secara berstruktur, pembahagiannya, pendapat ulama mengenai dalil ketetapannya disertai dengan contoh-contohnya yang terkandung dalam al-Quran.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pengertian Nasakh serta Syaratnya
- Ruang Lingkup Nasakh
- Kesan Mengetahui Nasakh serta Kepentingannya
- Pendapat Utama Mengenai Nasakh dan Dalil Penetapannya
- Pembahagian Nasakh
- Contoh Nasakh dalam al-Quran

SESI KETIGA: NASAKH DAN MANSUKH

PENDAHULUAN

Surah al-Nahl, ayat 101:

وَإِذَا بَدَّلْنَا آيَةً مَّكَانَ آيَةٍ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُنَزِّلُ قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مُفْتَرٍ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Dan apabila Kami tukarkan satu ayat (Al-Quran) untuk menggantikan ayat yang lain (yang dimansukhkan), dan Allah memang mengetahui akan apa yang la turunkan, berkatalah mereka (yang kafir): "Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) hanyalah seorang pendusta"; (padahal Nabi Muhammad tidak berdusta) bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui hakikat yang sebenarnya.”

❖ PENGERTIAN NASAKH SERTA SYARATNYA

Nasakh dari sudut bahasa: Digunakan mengangkat dan juga menghilangkan. Nasakh juga membawa maksud: Menukikan (memindahkan). Contohnya: “Aku menasakhkan al-Kitab”, iaitu “Aku menukikan apa yang terdapat di dalamnya sekalipun tidak sedikit pun menghilangkannya daripada tempatnya.”

Dari sudut istilah: Mengangkat hukum syarak dengan dalil syarak yang datang terkemudian daripadanya. Dalil itu dinamakan sebagai al-Nasikh manakala hukum yang terangkat itu disebut sebagai **al-Mansukh**.

Syarat-Syarat Nasakh

Berikut merupakan beberapa syarat nasakh yang disepakati oleh para fuqaha:

- Hendaklah yang dimansukhkan itu merupakan hukum syarak.
- Nasakh itu hendaklah berlaku dengan khitob (dalil) syarak.
- Hendaklah dalil nasikh itu datang terkemudian daripada dalil mansukh.

❖ RUANG LINGKUP NASAKH

Persoalannya, apa yang boleh dinasakkan atau menasakkan?

Antara perkara yang perlu dinyatakan, sebahagian dalil boleh menasakkan di antara satu sama lain. Manakala terdapat juga dalil yang lain yang tidak dapat menasakkan dalil yang lebih kuat daripadanya. Pembahagiannya adalah seperti berikut:

- a. Nas-nas al-Quran boleh untuk menasakkan di antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana kesemuanya sama dari sudut kekuatan kedudukan.
- b. Al-Quran boleh dinasakkan oleh sunnah yang mutawatir dan begitu jugalah sebaliknya. Hal ini demikian kerana sunnah yang mutawatir itu sama seperti al-Quran dari sudut qath'iyah al-thubut (sabit dengan jalan yang pasti).
- c. Sunnah Ahad (hadis-hadis Ahad) boleh menasakkan antara satu sama lain ataupun ia boleh dinasakkan dengan nas yang lebih kuat daripadanya.
- d. Ijmak tidak boleh menasakkan nas daripada al-Quran dan juga al-Sunnah. Hal ini demikian kerana sesuatu nas itu apabila dalalahnya qat'ie, maka itu menjadi penghalang untuk berlakunya ijmak atas sesuatu yang menyelisihinya.
- e. Nas-nas daripada al-Kitab dan juga al-Sunnah tidak boleh untuk memansuhkan ijmak. Hal ini demikian kerana sesuatu yang memansuhkan (al-nasikh) hendaklah datang kemudian daripada sesuatu yang dimansuhkan (al-mansukh). Sedangkan nas-nas al-Quran dan juga al-Sunnah ini telah datang terlebih dahulu daripada ijmak. Bahkan ijmak sebagai dalil syarak tidak dianggap sebagai hujah melainkan setelah wafatnya Nabi SAW.
- f. Ijmak yang terbina melalui nas al-Quran dan juga al-sunnah ataupun qiyas tidak boleh untuk dinasakkan dengan ijmak yang lain. Adapun ijmak yang terbina di atas masalah, maka ia boleh untuk dinasakkan dengan ijmak yang lain.
- g. Qiyas juga tidak boleh untuk menasakkan nas al-quran dan juga al-sunnah. Demikian qiyas tidak boleh menasakkan ijmak. Bahkan kesemuanya itu tidak boleh memansuhkan qiyas. Hal ini demikian kerana qiyas tidaklah berlaku melainkan ketika mana ketiadaan hukum di dalam al-Quran, al-sunnah dan juga ijmak.
- h. Qiyas tidak boleh digunakan untuk membatalkan (menasakkan) qiyas yang lain kerana qiyas itu sendiri dibina berdasarkan pendapat akal (ra'yu) dan ijtihad para ulama.

❖ KESAN MENGETAHUI NASAKH SERTA KEPENTINGANNYA

Pengetahuan tentang nasakh dan mansukh mempunyai fungsi dan manfaat yang besar bagi para ahli ilmuwan terutama fuqaha, mufasir dan ahli usul agar pengetahuan tentang hukum tidak menjadi kabur dan bercelaru.

Cara mengenali Nasakh dan Mansukh:

- a. Keterangan yang tegas daripada Nabi atau sahabat, daripada Abu Said al-Khudri bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنِّي نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا فَإِنَّ فِي زِيَارَتِهَا تَذْكَرَةً

Maksudnya: “*Sesungguhnya aku dahulunya melarang kamu daripada ziarah kubur, maka (sekarang) ziarahlah kerana padanya ibrah (pengajaran).*”

(Riwayat Ahmad [11329])

- b. Kesepakatan umat bahawa ayat ini nasakh dan itu mansukh.
- c. Mengetahui ayat mana yang datang dahulu dan terkemudian dalam perspektif sejarah.

PENDAPAT ULAMA MENGENAI NASAKH DAN DALIL KETETAPANNYA

Terdapat empat kelompok ulama yang membahaskan tentang masalah nasakh:

- **Orang Yahudi**

Mereka **tidak mengiktiraf** adanya nasakh kerana bagi mereka nasakh mempunyai **konsep al-bada'**, iaitu muncul selepas tersembunyi. Hal ini bermaksud mereka mendakwa nasakh itu kadang-kadang tidak mempunyai hikmah di sebaliknya dan perkara ini mustahil bagi Allah. Hujah mereka tidak diterima pakai kerana **hakikatnya hikmah nasakh dan mansukh yang berlaku pasti telah diketahui oleh Allah**.

Orang Yahudi sendiri mengakui bahawa syariat Musa menghapuskan syariat sebelumnya. Dalam nas-nas Taurat pun terdapat nasakh seperti pengharaman sebahagian besar binatang kepada bani Israel yang pada awalnya dihalalkan. Surah Ali 'Imran, ayat 93:

كُلُّ الطَّعَامِ كَانَ حَلَّالًا لِّبَنِي إِسْرَءِيلَ إِلَّا مَا حَرَّمَ إِسْرَءِيلُ عَلَى نَفْسِهِ

Maksudnya: “*Segala jenis makanan dahulu adalah halal bagi bani Israel, kecuali makanan yang diharamkan oleh Israel (Nabi Yaakub) kepada dirinya sendiri.*”

Begitu juga pada surah al-An'am ayat 146:

وَعَلَى الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا كُلَّ ذِي ظُفْرٍ وَمِنَ الْبَقَرِ وَالْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَا
إِلَّا مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَا أَوِ الْحَوَايَا أَوْ مَا اخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ۚ ذَٰلِكَ جَزَاؤُهُمْ بِبَغْيِهِمْ ۖ وَإِنَّا
لَصَادِقُونَ

Maksudnya: “Dan Kami haramkan atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku, dan daripada lembu dan kambing pula Kami haramkan kepada mereka lemaknya kecuali (lemak) yang ada pada belakangnya atau yang menyelaputi perkakas dalam perutnya, atau yang bercampur dengan tulang. Demikianlah Kami balas mereka dengan sebab kederhakaan mereka; dan sesungguhnya Kamilah yang benar.”

- **Syi'ah Rafidah**

Golongan ini **sangat berlebihan dalam menetapkan nasakh**. Mereka berpandangan bahawa konsep *al-Bada'* sebagai suatu hal yang mungkin berlaku bagi Allah. Ia adalah kepercayaan bahawa Allah boleh berubah keputusan atau pengetahuan-Nya terhadap sesuatu perkara setelah perkara itu berlaku, seolah-olah Allah baru “mengetahui” sesuatu yang sebelumnya tidak diketahui.

Dengan kata lain, mereka beranggapan bahawa Allah boleh menukar ketetapan (takdir) setelah menetapkannya kerana menurut mereka, keadaan sesuatu boleh berubah dan Allah akan membuat keputusan baharu berdasarkan perubahan itu. Dengan demikian pendapat mereka bercanggah dengan pendapat orang Yahudi. Untuk menyokong pandangan ini, mereka mengemukakan alasan dengan kata-kata dusta yang mereka nisbahkan kepada Sayidina Ali r.a..

Mereka memanipulasi ayat Allah dalam surah ar-Ra'd ayat 39 sebagai alasan:

يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثَبِّتُ ۖ

Maksudnya: “Allah menghapuskan apa jua yang dikehendaki-Nya dan Ia juga menetapkan apa jua yang dikehendaki-Nya.”

Berdasarkan ayat ini, mereka mengatakan bahawa Allah sentiasa boleh menghapuskan dan menetapkan mana-mana ayat. Pemikiran seperti ini adalah **sesat serta terpesong daripada makna al-Quran yang sebenar** yang dikehendaki daripada ayat tersebut, iaitu Allah menghapuskan sesuatu yang dirasakan perlu dan menetapkan penggantinya jika ia mengandungi masalah.

- **Abu Muslim al-Asfahani**

Abu Muslim al-Asfahani (Muhammad bin Bahr, terkenal dengan nama Abu Muslim al-Asfahani, seorang muktazilah termasuk tokoh mufasirin. Kitabnya yang terpenting ialah Jami'ut Ta'wil, tentang tafsir. Wafat pada 322 H.) Menurutny, secara akal, **nasakh dapat sahaja berlaku tetapi tidak menurut syarak**. Ada yang mengatakan bahawa ia **menolak sepenuhnya** berlakunya nasakh dalam al-Quran berdasarkan firmanNya dalam surah Fussilat ayat 42:

لَا يَأْتِيهِ الْبَاطِلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ ۖ تَنْزِيلٌ مِنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ

Maksudnya: “Yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginya; ia diturunkan daripada Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji.”

Hukum-hukum al-Quran menurutnya tidak akan dibatalkan untuk selamanya. Ia menjadikan ayat-ayat tentang nasakh, sebagai takhsis (pengkhasan, pengecualian).

Pendapat Abu Muslim ini **juga tidak dapat diterima** kerana makna ayat tersebut ialah al-Quran itu tidak didahului oleh kitab-kitab yang membatalkannya dan tidak pula setelahnya ada sesuatu yang membatalkannya.

- **Jumhur Ulama**

Nasakh adalah sesuatu hal yang **dapat diterima akal dan telah pun berlaku dalam hukum-hukum syariat**. Hujjahnya ialah:

- a. Perbuatan-perbuatan Allah **tidak bergantung dengan sesuatu alasan dan matlamat**. Ia boleh sahaja memerintahkan sesuatu pada suatu masa, kemudian menegahnya pada masa yang lain kerana hanya Dialah yang **lebih mengetahui** kepentingan hamba-hamba-Nya.
- b. Nas-nas kitab dan sunnah menunjukkan berlakunya nasakh seperti: Surah an-Nahl, ayat 101:

وَإِذَا بَدَّلْنَا آيَةً مَكَانَ آيَةٍ ۚ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُنَزِّلُ قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مُفْتَرٍ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Dan apabila Kami tukarkan satu ayat (al-Quran) untuk menggantikan ayat yang lain (yang dimansuhkan), dan Allah memang mengetahui akan apa yang la turunkan, berkatalah mereka (yang kafir): ‘Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad)

hanyalah seorang pendusta'; (padahal Nabi Muhammad tidak berdusta) bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui hakikat yang sebenarnya."

Al-Baqarah, ayat 106:

مَا نَنْسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِنْهَا أَوْ مِثْلَهَا ۗ

Maksudnya: "Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansukhkan (batalan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya."

❖ PEMBAHAGIAN NASAKH

Nasakh terbahagi kepada beberapa jenis:

Pertama: Nasakh boleh jadi secara sarih ataupun jelas, iaitu nas jelas menunjukkan bahawa ayat tersebut telah berlaku nasakh padanya. Sebagai contohnya adalah sabda Nabi SAW:

نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا

Maksudnya: "Aku dahulu melarang kalian daripada menziarahi kubur
maka sekarang ziarahilah kubur."

(Riwayat Muslim [977])

Berdasarkan hadis di atas, nasakh berlaku secara jelas di dalam nas yang sama. Al-Nasikh adalah perintah menziarahi kubur. Manakala *al-Mansukh* adalah larangan menziarahi kubur.

Kedua: Nasakh dhimni (di sebalik/terkandung)

Yang dimaksudkan dengan nasakh dhimni ini ialah Allah tidak menyebutkan secara sarih (jelas) akan berlakunya nasakh. Akan tetapi, terdapat hukum lain yang disyariatkan yang ia bercanggah dengan hukum sebelumnya tanpa adanya nas yang sarih menunjukkan akan mansukhnya hukum yang pertama dan tidak boleh untuk dihindarkan di antara kedua-duanya. Maka, **pensyariatan hukum yang terkemudian itu menjadi nasakh dhimni (terkandung) bagi hukum yang terdahulu.**

Contoh bagi nasakh dhimni ini adalah firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 240:

وَالَّذِينَ يَتُوفُّونَ مِنْكُمْ وَيَذُرُونَ أَزْوَاجًا وَصِيَّةً لِّأَزْوَاجِهِمْ مَّتَعًا إِلَى الْحَوْلِ غَيْرَ إِخْرَاجٍ ۚ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang (hampir) mati di antara kamu serta meninggalkan isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isteri mereka, iaitu diberi nafkah saguhati (makan, pakai dan tempat tinggal) hingga setahun lamanya, dengan tidak disuruh pindah dari tempat tinggalnya.”

Berdasarkan ayat ini, dapatlah difahami bahawa iddah bagi wanita yang kematian suaminya adalah selama setahun penuh. Inilah hukumnya pada awal-awal islam dahulu. Kemudian turunnya firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 234:

وَالَّذِينَ يَتُوفُّونَ مِنْكُمْ وَيَذُرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا ۖ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beriddah) selama empat bulan sepuluh hari.”

Manakala ayat ini pula menunjukkan bahawa isteri-isteri yang kematian suami hendaklah mereka itu beriddah selama empat bulan sepuluh hari. Justeru, ayat ini menjadi nasakh dhimni ke atas hukum ayat yang pertama kerana ayat ini turun terkemudian daripada ayat tadi.

❖ CONTOH NASAKH DALAM AL-QURAN

Kata al-Imam al-Khatib al-Baghdadi rahimahullah: Nasakh di dalam al-Quran terbahagi kepada tiga bahagian:

● Nasakh hukum dengan mengekalkan rasm (ayat al-Quran)

Yang dimaksudkan dengan ini ialah Allah SWT memansuhkan sesuatu hukum yang terdapat di dalam al-Quran. Pada masa yang sama, ayat yang menjelaskan akan hukum tersebut tidak dimansuhkan sekali akan tetapi ia masih kekal di dalam al-Quran. Contohnya adalah seperti berikut. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 180:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمْ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَلَدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ ۚ

Maksudnya: “Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama).”

Daripada ayat di atas kita mendapati bahawa ia menunjukkan hukum wajibnya berwasiat kepada ibu bapa dan juga kaum kerabat. Akan tetapi, hukum ini telah pun dimansuhkan apabila datangnya pensyariatan mirath.

Kata al-Imam al-Baghawi ketika mentafsirkan ayat ini: “Adalah wasiat itu difardhukan kepada kedua-dua ibu bapa dan juga kaum kerabat pada awal permulaan Islam ke atas sesiapa yang meninggal dunia serta meninggalkan harta. Kemudian ia dimansuhkan dengan ayat mirath.” Rujuk Ma’alim al-Tanzil, al-Baghawi (1/193)

Sungguhpun **hukumnya telah mansuh, akan tetapi ayat tersebut ataupun rasmnya masih terdapat di dalam al-Quran.**

- **Nasakh Rasm (Ayat) dengan mengekalkan hukum**

Contoh baginya adalah berkaitan ayat rejam. Pada asalnya, ia terdapat di dalam al-Quran. Akan tetapi, ayat tersebut telah dimansuhkan manakala hukumnya tetap kekal. Sayidina Ibn Abbas r.a. meriwayatkan daripada Umar Ibn al-Khattab RA beliau berkata: *“Sesungguhnya Allah SWT telah mengutuskan Muhammad SAW dan menurunkan ke atasnya al-Kitab. Di antara yang Allah turunkan ke atasnya adalah ayat rejam. Maka kami membacanya, memahaminya, serta menjaganya.”* Kata beliau lagi:

أَلَا وَإِنَّ الرَّجْمَ حَقٌّ عَلَى مَنْ زَنَى وَقَدْ أَحْصَنَ إِذَا قَامَتِ الْبَيِّنَةُ

Maksudnya: *“Sesungguhnya rejam itu merupakan hak ke atas pezina muhsan (yang sudah berkahwin) apabila telah tertegaknya bukti.”*

(Riwayat al-Bukhari [6829] dan Muslim [1691])

- **Nasakh rasm (ayat) berserta dengan hukum**

Contoh bagi nasakh kategori ini adalah berkenaan kadar bilangan susuan yang cukup untuk menjadikan seseorang sebagai mahram. Dalam sebuah hadis daripada A’isyah r.ha beliau berkata:

كَانَ فِيْمَا أُنْزِلَ مِنَ الْقُرْآنِ عَشْرُ رَضَعَاتٍ مَعْلُومَاتٍ يُحَرِّمْنَ. ثُمَّ نُسِخْنَ بِخَمْسِ مَعْلُومَاتٍ فَتَوَفَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُنَّ فِيْمَا يُقْرَأُ مِنَ الْقُرْآنِ

Maksudnya: *“Di antara ayat yang diturunkan daripada al-Quran adalah sepuluh kali susuan yang menyebabkan anak susuan menjadi mahram, kemudian dimansuhkan dengan lima susuan yang tertentu. Ketika Rasulullah SAW wafat, ayat yang dimansuhkan ini masih dibaca sebagai ayat al-Quran.”*

(Riwayat Muslim [1452])

Kata Imam al-Khatib al-Baghdadi: Ayat yang 10 kadar ini dimansuhkan tulisan dan hukumnya di dalam al-Quran. Lihat *al-Faqih wal-Mutafaqqih, al-Khatib al-Baghdadi (Hlm. 192)*.

PENUTUP

مَا نَنْسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِنْهَا أَوْ مِثْلَهَا

Maksudnya: “Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansuhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahawasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu?”

[Surah al-Baqarah, ayat 106]

Setiap perubahan hukum membawa hikmah bukan bertentangan dalam wahyu, bahkan Rasulullah SAW juga bersabda bahawa Allah menurunkan hukum sedikit demi sedikit menurut kemampuan umat-Nya.

وَعَنْ مُعَاوِيَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ وَإِنَّمَا أَنَا قَاسِمٌ وَاللَّهُ يُعْطِي»

Mu'awiyah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Apabila Allah menghendaki kebaikan bagi seseorang, Dia akan memahamkannya tentang agama. Aku hanya penyampai (pembahagi), dan Allah-lah yang memberi.”

[Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

Semoga perbincangan kita pada kali ini diberkati Allah serta mendapat kelebihan seperti yang disebutkan dalam intipati hadis di atas.

SESI KEEMPAT

MUTLAQ, MUQAYYAD SERTA MANTUQ DAN MAFHUM

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memahami secara terperinci berkenaan mutlaq dan muqayyad dari sudut definisi dan pecahannya disertai dengan dalil dari al-Quran. Selain itu, peserta dapat mengidentifikasi makna mantuq dan mafhum berserta cabang-cabangnya, iaitu dalam Mantuq Sarih dan Ghayr Sarih.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi
- Jenis Mutlaq dan Muqayyad berserta Hukumnya
- Definisi Mantuq dan Pembahagiannya
- Mantuq Gahyr Sarih: Dalalah Iqtida' dan Dalalah Isyarah
- Definisi Mafhum dan Pembahagiannya

SESI KELIMA: MUTLAQ, MUQAYYAD SERTA MANTUQ DAN MAFHUM

PENDAHULUAN

Daripada Uthman bin Affan RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya: “Sebaik-baik kamu adalah orang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.”

Sahih Bukhari (5027)

Maka pada sesi kali ini, kita akan mempelajari salah satu cabang ilmu dalam perbahasan ulum quran berkenaan topik mutlak muqayyad serta mantuq dan mafhum.

❖ DEFINISI

● Mutlak

Bahasa: Bebas dan tidak terikat

Istilah: Lafaz khusus yang menunjukkan pada hakikat lafaz itu tanpa terikat dengan jumlah mahupun sifatnya.

Sebagai contoh dalam surah al-Mujadalah, ayat 3:

فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَا^٥

Maksudnya: “Maka hendaklah (suami itu) memerdekakan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur.”

Kalimah رَقَبَةٍ **raqabah** itu adalah mutlak dengan memerdekakan seorang budak. Lafaz budak itu merangkumi semua jenis budak sama ada yang Mukmin atau kafir.

لَا نِكَاحَ إِلَّا بِوَلِيِّ

Maksudnya: “Tidak sah nikah melainkan dengan wali.”

(Riwayat Abu Daud [2085])

Lafaz **wali** adalah mutlak dan ia merupakan syarat sah pernikahan dengan kehadiran mana-mana wali nikah.

- **Muqayyad**

Bahasa: Yang terikat

Istilah: Lafaz yang menunjukkan satu perkara yang tidak tertentu dalam jenisnya tetapi terikat dengan sifat yang mengikatnya.

Contoh muqayyad dalam surah al-Mujadalah, ayat 4 berkaitan Kaffarah Zihar:

فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامَ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّ

Maksudnya: “Kemudian, sesiapa yang tidak dapat (memerdekakan hamba), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka (suami isteri) itu bercampur.”

Kaffarah zihar adalah hukuman disebabkan si suami menyamakan (tubuh atau anggota tubuh) isteri dengan (tubuh atau anggota tubuh) mahram.

Lafaz مُتَتَابِعَيْنِ (berturut-turut) menjadi pengikat kepada puasa dua bulan dan tidak boleh dilakukan secara selang-seli.

JENIS MUTLAK DAN MUQAYYAD BERSERTA HUKUMNYA

- **Sebab dan Hukumnya adalah Sama**

Darah yang disebut merupakan lafaz mutlak. Surah al-Maidah, ayat 3:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ لَيْعٍ لِّلَّهِ بِهِ

Maksudnya: “Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan **darah** (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana selain daripada Allah.”

Darah yang mengalir itu merupakan lafaz muqayyad. Surah al-An‘am, ayat 145:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلًا لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ ۗ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau **darah yang mengalir**, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama selain daripada Allah.”

Oleh sebab kedua-dua lafaz adalah sama, iaitu darah maka pengertian lafaz yang mutlak tersebut disesuaikan dengan lafaz yang muqayyad. Oleh itu, ia membawa kepada hukum yang sama, iaitu diharamkan.

● Berbeza Sebab Namun Hukumnya Sama

Surah an-Nisa' ayat 92:

وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَاً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang **membunuh seorang Mukmin** dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kaffarah) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman.”

Surah al-Mujadalah, ayat 3:

وَالَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِّن قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَا ۖ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang **‘ziharkan’** isterinya, kemudian mereka berbalik daripada apa yang mereka ucapkan (bahawa isterinya itu haram kepadanya), maka hendaklah (suami itu) memerdekakan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur.”

Kedua-dua ayat di atas membawa kepada **hukum yang sama, yaitu membayar kaffarah** akan tetapi **berbeza pada sebabnya**, yaitu pada ayat pertama adalah disebabkan **pembunuhan** manakala ayat kedua disebabkan **zihar**.

● Sebab Sama Namun Berbeza pada Hukum

Lafaz sapu tangan hingga ke siku yang bersifat muqayyad. Surah al-Ma'idah ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ ۚ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan **kedua-dua belah tangan kamu meliputi siku**, dan sapulah sebahagian daripada kepala kamu, dan basuhlah kedua-dua belah kaki kamu meliputi buku lali.”

Kemudian, sambungan daripada ayat yang sama berkenaan lafaz menyapu tangan yang bersifat mutlak,

وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُم مِّنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوْهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ ۚ

Maksudnya: “Dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang daripada kamu datang dari tempat buang air, atau kamu menyentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah debu yang bersih, iaitu: Sapulah muka kamu dan kedua-dua belah **tangan** kamu dengan tanah debu itu.”

Dalam ayat di atas, terdapat dua hukum yang berbeza, iaitu kewajipan membasuh tangan pada wuduk dan tayammum, namun sebab yang sama, iaitu mengerjakan solat.

❖ DEFINISI MANTUQ DAN PEMBAHAGIANNYA

• Mantuq

Bahasa: Isim maf'ul daripada kalimah نطق, iaitu ucapan atau sebutan. Ia merupakan sesuatu yang disebutkan atau dilafazkan.

Istilah: Lafaz yang menunjukkan makna tersurat, iaitu lafaz yang menunjukkan secara jelas makna yang dapat difahami sebagaimana lafaz tersebut diucapkan.

• Pembahagian Mantuq

Mantuq terbahagi kepada **2 bahagian**, iaitu *Mantuq Sarih* (المنطوق الصريح) dan *Mantuq Ghayr al-Sarih* (المنطوق غير الصريح).

Ulama usul al-fiqh mengklasifikasikan *Mantuq al-Sarih* kepada tiga jenis, iaitu *nas*, *zahir*, dan *mu'awwal*. Manakala untuk *Ghayr al-Sarih* pula terdiri daripada *dalalah al-iqtida'* dan *dalalah al-isyarat*.

a. Nas

Nas ialah lafaz yang tidak mengandungi makna lain. Sebagaimana dalam firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 196:

فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ

Maksudnya: “Kalau ia tidak dapat (mengadakan dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing); semuanya itu sepuluh (hari) cukup **sempurna**.”

Penyifatan “sepuluh” dengan perkataan “sempurna” كَامِلَةٌ telah menghapuskan kemungkinan untuk memahami “sepuluh” itu dalam makna kiasan (majaz). Apabila Allah menyebut “sepuluh yang sempurna” (عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ), maka maksudnya benar-benar sepuluh yang lengkap dan sebenar, bukan sepuluh yang dimaksudkan secara kiasan atau simbolik.

b. Zahir

Zahir ialah lafaz yang menunjukkan makna yang difahami secara langsung tetapi masih mengandungi makna lain yang lemah (marjuh). Sebagaimana dalam firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 173:

فَمَنْ أَضْطَرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ ۖ

Maksudnya: *“Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa.”*

Kalimah بَاغٍ digunakan untuk makna al-jahil (bodoh atau tidak tahu) dan al-zalim (melampaui batas). Namun, pemakaian dengan makna melampaui batas lebih tegas dan popular dibanding makna bodoh atau tidak tahu.

c. Mu’awwal

Mu’awwal adalah makna yang tidak kuat, bahkan lemah (marjuh). Tetapi, makna ini digunakan sebab ada bukti kuat yang harus mengalihkan makna daripada yang kuat (rajih) ke makna yang kurang atau tidak kuat tersebut. Contohnya sebagaimana dalam firman Allah surah al-Isra’, ayat 24:

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ

Maksudnya: *“Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada kedua-duanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu.”*

Lafaz (جَنَاحَ الذُّلِّ) secara asalnya bererti rendahkanlah sayap, namun ia juga membawa makna kepada tawaduk, merendahkan diri. Hal ini tidak memungkinkan untuk memaknainya secara zahir, iaitu rendahkanlah sayap sebab mustahil manusia mempunyai sayap. Maka, makna yang sesuai dengan konteks ayat tersebut adalah tawaduk, merendahkan diri atau bergaul secara baik dengan orang tua.

❖ **MANTUQ GHAYR AL-SARIH (DALALAH IQTIDA' & DALALAH ISYARAH)**

● **Dalalah al-Iqtida'**

Bermaksud sesuatu lafaz yang menunjukkan kepada makna yang tidak disebut, iaitu kebenaran lafaz terletak kepada makna yang tidak disebut itu. Suatu pernyataan tidak boleh difahami kecuali dengan mempertimbangkan lafaz yang dibuang, dengan perkiraan logik, 'urf atau syarak. Dengan kata lain, makna ayat itu tidak akan jelas kalau kita tidak mengambil kira perkataan yang tersembunyi atau tidak disebut secara langsung. Inilah yang dinamakan sebagai dalalah al-iqtida'i.

Contoh dalam surah al-Mai'dah, ayat 3:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ

Maksudnya: *"Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana selain daripada Allah."*

Ayat ini umumnya mengetahui tentang pengharaman bukan zat daripada bangkai, tetapi perbuatan yang melibatkan zat tersebut. Maka, lafaz **اكل** merupakan lafaz yang tidak disebut. Oleh itu, perbuatan memakan bangkai darah, daging babi, dan (daging) haiwan yang disembelih bukan atas (nama) Allah adalah diharamkan di sisi Islam.

Contoh yang lain pada surah Yusuf, ayat 82:

وَسَّئِلِ الْقَرْيَةَ الَّتِي كُنَّا فِيهَا وَالْعِيرَ الَّتِي أَقْبَلْنَا فِيهَا ۖ

Maksudnya: *"Dan bertanyalah kepada penduduk negeri (Mesir) tempat kami tinggal (berdagang) dan kepada orang-orang kafilah yang kami balik bersamanya."*

Ayat di atas juga membuktikan secara logik akal tidak mungkin perlu bertanya kepada negeri kerana negeri tidak berupaya menjawab pertanyaan. Justeru, ia seharusnya ditakdirkan dengan sesuatu yang tidak disebut, iaitu lafaz yang tidak disebut **اهل** bererti penduduk negeri tersebut.

- **Dalalah al-Isyarah**

Merupakan sesuatu lafaz yang menunjukkan kepada sesuatu makna yang tidak disebut daripada lafaz tersebut tetapi yang dimaksudkan ialah perkara lain yang berkaitan dengan lafaz tersebut. Dalam erti kata lain, dalalah al-isyarah adalah suatu dalalah yang didapat bukan daripada makna harfiahnya melainkan daripada ungkapan tersirat.

Sebagai contoh, surah al-Baqarah, ayat 187:

أُحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ ۗ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَخْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ ۖ فَالْآنَ بَاشِرُوهُنَّ وَأَبْتَغُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ ۚ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ۖ ثُمَّ أَتِمُّوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ ۚ

Maksudnya: “Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu Ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu. Maka sekarang setubuhilah isteri-isteri kamu dan carilah apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu; dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) daripada benang hitam kegelapan malam), iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib).”

Ayat ini menerangkan bahawa maksud tersirat daripada ayat ini adalah sah puasa bagi seseorang dan tidak batal puasanya kerana berpuasa dalam keadaan berjunub mahupun mandi wajib selepas subuh.

❖ **DEFINISI MAFHUM DAN PEMBAHAGIANNYA**

- **Definisi Mafhum**

Bahasa: Isim maf'ul daripada kalimah فهم iaitu memahami. Ia merupakan sesuatu yang difahami.

Istilah: Makna yang ingin disampaikan berbeza daripada lafaz yang diucapkan. Para ahli usul fiqh mendefinisikan al-Mafhum sebagai setiap perkara yang berkaitan dengan hukum terhadap setiap yang tidak disebutkan dalam ucapan.

● Pembahagian Mafhum

Ulama telah membahagikan Dalalah al-Mafhum itu kepada dua bahagian, iaitu *Mafhum al-Muwafaqah* dan *Mafhum al-Mukhalafah*.

Mafhum Al-Muwafaqah ialah makna yang hukumnya sesuai dengan mantuq. Ia dibahagikan kepada dua bentuk:

a. Fahwal Kitab

Sekiranya sesuatu yang tidak disebut itu (عنه المسكوت) lebih utama atau lebih berat daripada hukum yang disebut. Contoh dalam surah Isra', ayat 23:

فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ

Maksudnya: *Maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha".*

Ayat tersebut menyatakan hukum haram mengatakan "ah" kepada ibu bapa. Mantuq pada ayat tersebut adalah mengatakan perkataan "ah" kepada ibu bapa. Bagaimana pula hukum memukul mereka? Oleh sebab memukulnya jauh lebih menyakitkan atau berat daripada sekadar mengatakan "ah" walaupun kedua-dua perbuatan tersebut tetap dilarang. Maka, memukul adalah mafhum muwafaqah, sebab hukumnya sama dengan mantuq, iaitu sama-sama haram atau dilarang.

b. Lahnul Kitab

Merupakan setiap yang tidak disebut sama tingkatannya dengan apa yang disebutkan untuk mendapat hukum. Dalam erti kata lainnya, makna yang difahami sama nilainya dengan mantuq. Contohnya dalam surah an-Nisa', ayat 10:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا ۖ وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا

Maksudnya: *"Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala."*

Ayat tersebut menjelaskan dan menunjukkan memakan harta anak yatim haram hukumnya. Jadi, bagaimana pula hukum memusnahkannya atau mensia-siakannya yang tidak disebut dalam ayat? Justeru, Mafhum al-Muwafaqah menunjukkan bahawa hukum merosakkan, membakar atau menyorokkan harta anak yatim juga haram, yang sama nilainya dengan memakannya.

Mafhum Al-Mukhalafah ialah makna yang berbeza hukumnya dengan mantuq. Ia dibahagikan kepada empat bentuk:

a. Mafhum Sifat

Ia ditakrifkan sebagai dalalah lafaz yang diikat dengan sesuatu sifat yang menafikan hukum ketika sifat itu tiada. Contoh dalam surah al-Hujurat, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya.”*

Maka, mafhum mukhalafah daripada ayat di atas adalah jika pembawa berita bukan orang fasik, maka tidak diwajibkan untuk menelitinya. Jadi, ayat yang difahami bahawa berita daripada seorang yang adil itu dapat diterima. Pemahaman ini dinilai dari segi sifat, apabila sifat fasik itu tidak ada, maka berlaku hukum sebaliknya, iaitu diharuskan, sebab itu ia dinamakan sebagai mafhum mukhalafah.

b. Mafhum Syarat

Mafhum syarat, iaitu menetapkan kebalikan sesuatu hukum apabila syarat yang disebutkan dalam teks tidak wujud. Contohnya, surah at-Talaq ayat 6:

وَإِنْ كُنَّ أُولَاتٍ حَمْلٍ فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ

Maksudnya: *“Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya.”*

Ayat ini menegaskan bahawa suami wajib memberi nafkah terhadap isterinya yang telah ditalak bain dalam keadaan hamil. Secara mafhum mukhalafah, dapat difahami bahawa suami tidak diwajibkan memberi nafkah sekiranya isteri yang telah ditalak itu bukan dalam keadaan hamil.

c. Mafhum Ghayah

Ia didefinisikan sebagai menetapkan hukum yang berlawanan bagi yang tidak disebutkan daripada hukum asal berpandukan sesuatu batasan maksimum atau penghabisan. Apabila batasan itu telah melewati batas yang telah ditetapkan, maka berlaku hukum sebaliknya. Lafaz ghayah ini adakalanya dengan sebutan “ila” dan dengan “hatta”. Contoh pada surah al-Baqarah, ayat 187:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ۖ

Maksudnya: *“Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) daripada benang hitam kegelapan malam), iaitu waktu fajar.”*

Daripada ayat ini dapat difahami bahawa dibolehkan makan dan minum pada bulan Ramadan sampai terbit fajar. Secara mafhum mukhalafahnya, ayat ini dapat diketahui bahawa haram makan dan minum sesudah had waktu habis, iaitu selepas fajar.

d. Mafhum Hasr (Pembatasan)

Mafhum hasr maksudnya menetapkan hukum yang sebaliknya daripada batasan yang disebutkan dalam sebuah lafaz. Contoh dalam surah al-Fatihah, ayat 5:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Maksudnya: *“Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.”*

Ayat di atas membataskan atau mengehadkan bahawa hanya Allah SWT sahaja yang patut disembah dan memohon pertolongan. Maka, mafhum mukhalafahnya adalah tidak ada yang patut disembah dan dimintai pertolongan kecuali Allah SWT.

PENUTUP

Sebagai penutup, mari sama-sama kita mengambil iktibar daripada ayat al-Quran di dalam Surah Faatir, ayat 32:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا ۖ فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ ۚ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ
بِإِذْنِ اللَّهِ ۗ ذَٰلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ۝ ٣٢

Maksudnya: “Kemudian Kami jadikan Al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran Al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata).”

Semoga kita tergolong dalam kalangan yang sentiasa berusaha memahami ilmu Quran dan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya.

SESI KELIMA

I'JAZ AL-QURAN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memahami konsep i'jaz al-Quran serta beberapa bentuk cabarannya dalam menghadapi orang Quraisy dan akan mendalami beberapa aspek kemukjizatannya seperti aspek lughawi, ilmiah dan tasyri'.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi
- Cabaran al-Quran
- Mukjizat Lughawi
- Mukjizat Ilmiah
- Mukjizat Tasyri'iyah

SESI KELIMA: I'JAZ QURAN

PENDAHULUAN

Daripada Abdullah bin Mas'ud r.a., bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ ، وَالحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا ، لَا أَقُولُ أَلَمْ حَرْفٌ ،
وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَاَمٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ

Maksudnya: “Sesiapa yang membaca satu huruf di dalam al-Quran, maka baginya satu kebaikan dan setiap kebaikan itu digandakan menjadi sepuluh kebaikan yang semisal dengannya. Aku tidak mengatakan “الم” satu huruf akan tetapi alif satu huruf, laam satu huruf dan miim satu huruf.”

(Riwayat Tirmidzi [2910])

Hadis ini dihukumkan sebagai hasan sahih dan menunjukkan bahawa al-Quran adalah mukjizat daripada Allah kepada kita umat Nabi Muhammad SAW dan pada sesi kali ini, kita akan menyentuh bab I'jaz Quran (Kemukjizatan al-Quran).

❖ DEFINISI

Bahasa: I'jaz merupakan masdar daripada perkataan أعجز yang memberi maksud melemahkan. Justeru, dapat difahami bahawa perkataan al-I'jaz dari sudut bahasanya merujuk kepada melemahkan.

Istilah: I'jaz boleh difahami dari tahap kedudukannya yang tinggi yang diletakkan oleh al-Quran sendiri sehingga melemahkan kebolehan dan kemampuan manusia untuk mengemukakan sesuatu yang sebanding dengannya, sama ada nilai ketinggian tersebut dari sudut balaghah atau pensyariatan atau perkara-perkara ghaib.

Al-Suyuti melalui kitab *Al-Itqan* telah menyatakan bahawa al-I'jaz dalam pemahaman syarak ialah kejadian yang melampaui batas kebiasaan, didahului oleh tentangan tanpa ada tandingannya.

Manakala Ibn Khaldun dalam *Al-Muqaddimah* telah menyatakan bahawa al-I'jaz adalah perbuatan yang tidak mampu ditiru dan dilakukan oleh manusia.

❖ CABARAN AL-QURAN

Al-Quran adalah bukti kenabian dan kerasulan Nabi Muhammad SAW sekali gus menjadi bukti bahasa al-Quran merupakan firman Allah SWT dan bukan ucapan atau ciptaan daripada Nabi Muhammad SAW sendiri. Rasulullah SAW telah menjadikan al-Quran sebagai senjata bagi menentang orang-orang kafir Quraisy.

Hal ini tidak lain adalah disebabkan oleh al-Quran sememangnya adalah suatu mukjizat yang mustahil dapat ditandingi. Orang-orang Arab enggan mengakui al-Quran itu datangnya daripada Allah SWT, bahkan mereka menuduh bahawa al-Quran adalah kata-kata manusia, iaitu rekaan Nabi Muhammad SAW. Mereka telah dicabar oleh al-Quran supaya mendatangkan kitab yang seumpamanya. Ternyata dengan jelas bahawa mereka tidak mampu melakukannya. Mereka tidak mampu untuk menandingi kehebatan kalam Allah SWT. Telah terpahat dalam catatan sejarah tentang kelemahan mereka dan terpalit rasa malu serta terhina. Allah SWT telah mencabar mereka selaku pemilik bahasa al-Quran dalam firman-Nya yang mempunyai tiga bentuk, iaitu:

a. Bentuk Pertama : *Menentang dengan Seluruh Quran*

Mencabar mereka dengan keseluruhan al-Quran dalam uslub umum yang meliputi orang Arab sendiri dan orang lain, manusia malah jin, dengan cabaran yang mengalahkan dan menjatuhkan mereka sebagaimana firman Allah dalam surah al-Isra', ayat 88:

قُلْ لِّئِنْ أَجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَٰذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ ۚ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ
ظَهِيرًا

Maksudnya: *"Katakanlah (wahai Muhammad): 'Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri.'"*

b. Bentuk Kedua: *Menentang dengan 10 Surah Sahaja*

Mencabar dengan 10 surah sahaja daripada al-Quran sebagaimana firman-Nya dalam surah Hud ayat 13-14:

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ^{١٣} قُلْ فَأْتُوا بِعَشْرِ سُوْرٍ مِّثْلِهِ مُفْتَرِيَاتٍ وَادْعُوا مَنِ اسْتَعْظَمْتُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ
١٣ فَإِنَّمَا يَسْتَجِيبُوا لَكُمْ فَاعْلَمُوا أَنَّمَا أُنْزِلَ بِعِلْمِ اللَّهِ وَأَن لَّا إِلَهَ إِلَّا هُوَ^{١٤} فَهَلْ أَنْتُمْ مُّسْلِمُونَ ١٤

Maksudnya: “Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: ‘la (Muhammad) yang mereka-reka al-Quran itu!’ ‘Katakanlah (wahai Muhammad): ‘(Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya, selain daripada Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.’” (13) Oleh itu, jika mereka (penolong-penolong kamu) tidak dapat melaksanakan permintaan kamu (untuk membuat surah-surah yang sebanding dengan al-Quran), maka ketahuilah bahawa al-Quran itu diturunkan hanyalah menurut pengetahuan Allah, dan bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. Setelah (terbukti hakikat yang demikian) maka adakah kamu mengakui Islam dan menurut aturannya?” (14)

c. Bentuk Ketiga: Menentang dengan Satu Surah Sahaja

Mencabar mereka hanya dengan satu surah daripada al-Quran sahaja sebagaimana dalam surah Yunus ayat 38:

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ^{٣٨} قُلْ فَأْتُوا بِسُوْرَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا مَنِ اسْتَعْظَمْتُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Maksudnya: (Orang-orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan: “Dialah (Muhammad) yang mengada-adakan al-Quran menurut rekaannya.” Katakanlah (wahai Muhammad): “Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah siapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya, selain daripada Allah (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar!”

Maka, jelaslah bahawa daripada cabaran-cabaran di atas yang dimulai dengan sebuah kitab yang menyerupai al-Quran, kemudian 10 surah dan akhirnya menjadi satu surah sahaja telah terbukti bahawa mereka tetap gagal dan tidak mampu mewujudkannya. Dengan konsep penggunaan bahasa al-Quran yang luar biasa ini, maka mustahil bagi manusia dapat mencipta sebuah kitab seperti al-Quran. Ini jelas membuktikan bahawa al-Quran itu bukannya datang daripada kalimah manusia lain dan bukan juga rekaan Nabi Muhammad SAW.

❖ MUKJIZAT LUGHAWI

• Keindahan Nazm dan Gaya Bahasa al-Quran

Al-Nazm dan gaya bahasa adalah dua elemen yang saling terkait dan tidak dapat dipisahkan. Dengan memerhatikan pola susunan ayat dalam al-Quran, kita dapat mengidentifikasi gaya bahasanya. Al-Qadi al-Jurjani menjelaskan bahwa al-nazm dalam konteks bahasa adalah susunan permata dalam rantai kalimahnya. Dari segi istilah pula, ia bermaksud susunan perkataan dan ayat yang membawa kepada makna yang tersusun serta sesuai dengan maksud yang dikehendaki oleh akal. Terdapat beberapa contoh kepelbagaian nazm al-Quran seperti ayat berbentuk *mu'akkadah* dan *ghayr mu'akkadah*, atau disebut sesuatu perkataan tersebut pada ayat yang lain secara jamak, atau sesetengahnya disebut secara makrifah dan sesetengahnya pula dengan nakirah. Kesemua ini terdapat kemukjizatan dan keindahan al-Quran. Sebagai contoh, keindahan nazm al-Quran seperti dapat dilihat dalam surah asy-Syams ayat 1 hingga 6:

وَالشَّمْسُ وَضُحَاهَا ١

Demi matahari dan cahayanya yang terang-benderang

وَالْقَمَرُ إِذَا تَلَّهَا ٢

Dan bulan apabila ia mengiringinya

وَالنَّهَارُ إِذَا جَلَّلَهَا ٣

Dan siang apabila ia memperlihatkannya dengan jelas nyata

وَاللَّيْلُ إِذَا يَغْشَاهَا ٤

Dan malam apabila ia menyelubunginya (dengan gelap-gelita)

وَالسَّمَاءَ وَمَا بَنَاهَا ٥

Demi langit dan Yang membinanya (dalam bentuk yang kuat kukuh
yang melambangkan kekuasaan-Nya);

وَالْأَرْضَ وَمَا طَحَاهَا ٦

Serta bumi dan Yang menghamparkannya (untuk kemudahan makhluk-makhluk-Nya);

Demikianlah lukisan warna dan gambaran indah dalam ayat ini sesuai dengan paparan suasana dan keadaan yang berlaku serta hubung kait ayat demi ayat yang sentiasa beriringan dan terikat di antara satu sama lain. Ungkapan ayat-ayat ini seolah-olah satu

gelombang yang kelihatan bergerak ke hadapan yang menjadi begitu serasi dan indah, sesuai dengan lafaz dan maknanya. Olahan ungkapan yang cukup indah ini membuktikan bahawa al-Quran itu adalah gubahan Allah SWT yang indah, tidak dapat ditandingi dan ditiru.

- **Al-Tanasuq dan Al-Fasilah**

Maksud tanasuq al-Quran ialah kekuatan kaitan setiap perkataan dalam ayat, kesesuaian baris, kadar harakat, dengung, tempat diteruskan bacaan atau fasilah.

Al-Fasl pada bahasa pula memberi erti berjauhan antara dua benda dan juga memberi erti putus. Pada istilah pula, dalam konteks Ulum al-Quran, fasilah bermaksud kalimah terakhir dalam sesuatu ayat al-Quran seperti kedudukan qawafi al-syi'r.

Menurut Syeikh Amin Bakri dalam kitabnya *Ta'bīr al-fannī fī al-Qur'ān al-Karīm*, setiap fasilah dalam al-Quran mempunyai dua peranan dalam satu masa, iaitu dari aspek intonasi serta irama dan sebagai penyempurna maksud ayat. Beliau juga menambah bahawa kebanyakan ayat al-Quran berakhir dengan huruf (ن, م, أ, و, ي). Huruf-huruf ini memberikan intonasi dan irama yang lahir daripada makhraj huruf yang mudah serta menghasilkan dengung yang mengasyikkan.

Contoh, dalam surah al-Baqarah, ayat 7:

خَتَمَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى أَبْصَارِهِمْ غِشَاوَةٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: *“(Dengan sebab keingkaran mereka), Allah mematerikan atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar.”*

Fasilah وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ didatangkan sebagai penutup dan penyempurnaan kepada topik berkaitan sikap orang-orang kafir yang terdapat dalam ayat sebelumnya, iaitu ayat ke-6.

Terdapat juga fasilah yang berakhir hurufnya dengan huruf qalqalah seperti ayat-ayat dalam surah al-Ikhlās, al-Falaq dan sebagainya. Ia bertujuan untuk memberikan maksud kekuatan, kehebatan dan keagungan melalui intonasinya. Firman Allah dalam surah al-Falaq, ayat 1:

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad); ‘Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk.’”

● Fawatih As-Suwar

Fawatih al-Suwar bermaksud pembuka-pembuka surah. Ia dinamakan sedemikian kerana kedudukannya yang mengawali perjalanan teks-teks sesuatu surah. Istilah fawatih al-suwar terdiri daripada dua perkataan, iaitu fawatih dan al-suwar. Fawatih merupakan jamak daripada fatihah yang bererti pembuka. Sedangkan al-suwar adalah jamak daripada surah, yang bererti surah dan al-suwar bermakna surah-surah. Dengan demikian istilah fawatih al-suwar secara harfiah bererti pembuka surah-surah.

Al-Suyuti menyebut bahawa Ibn Abi Isba' telah mengkhususkan pembuka surah-surah al-Quran dalam buku yang diberi nama "الفواتح أسرار في السوانح الخواطر" dan kemudian beliau berkata: “Dan aku telah meringkaskan di sini apa yang dinyatakan oleh Ibn Abi Isba' dengan penambahan daripadanya. Ilmu ini penting untuk diketahui supaya kita boleh mengetahui rahsia dan hikmah Allah SWT dalam setiap pembukaan surah-surah kitab al-Quran. Beliau berpandangan terdapat beberapa kategori pembuka surah-surah al-Quran. Antaranya:

a. Pujian

Pembukaan dengan pujian kepada Allah (al-istiftah bi al-itsana). Pujian kepada Allah ada dua jenis, iaitu:

- a) Menetapkan sifat-sifat terpuji dengan menggunakan salah satu lafaz berikut:
 - Lafaz تبارك seperti dalam surah al-Furqan dan al-Mulk.
 - Lafaz hamdalah الحمد لله (al-fatihah, al-An'am, al-Kahf, Saba' dan Fatir)
- b) Mensucikan Allah daripada sifat-sifat negatif (tanzih al-sifatin naqsin) dengan menggunakan lafaz tasbih yang terdapat dalam tujuh surah, iaitu: Al-Isra', al-A'la, al-Hadid, al-Hasyr, al-Saf, al-Jumu'ah, dan al-Taghabun.

b. Huruf

Pembukaan dengan huruf-huruf yang terputus (Al-Ahruful Muqata'ah). Pembukaan dengan huruf-huruf ini terdapat dalam 29 surah dengan memakai 14 huruf tanpa diulang, iaitu ط ص س ر ح ا ي ه ن م ل ك ق ع. Antaranya adalah:

- **Surah yang terdiri daripada satu huruf**, terdapat dalam 3 surah:

- Surat al-Qalam yang dimulai dengan huruf ن
- Surat Sad yang dimulai dengan huruf ص
- Surat Qaf yang dimulai dengan huruf ق

- **Kelompok yang terdiri daripada dua huruf** (10 surah) seperti:

Huruf طه - iaitu permulaan surah Taha (20: 1)

Huruf طس - iaitu permulaan surah an-Naml (27: 1)

Huruf يس - iaitu permulaan surah Yasin (36: 1)

Huruf حم:

- Surah Ghafir (40: 1)
- Surah Fussilat (41: 1)
- Surah asy-Syura (42: 1)
- Surah az-Zukhruf (43: 1)
- Surah ad-Dukhan (44: 1)
- Surah al-Jathiyah (45: 1)
- Surah al-Ahqaf (46: 1)

- **Kelompok yang terdiri daripada tiga huruf**, terdapat dalam tiga rangkaian dan 13 surah seperti:

Huruf آلَم

- Surah al-Baqarah (2: 1)
- Surah Ali 'Imran (3: 1)
- Surah al-'Ankabut (29: 1)
- Surah al-Rom (30: 1)
- Surah Luqman (31: 1)
- Surah as-Sajdah (32: 1)

Huruf **أَلر**

- Permulaan Surah Yunus (10: 1)
- Permulaan Surah Hud (11: 1)
- Permulaan Surah Yusuf (12: 1)
- Permulaan Surah Ibrahim (14: 1)
- Permulaan Surah al-Hijr (15: 1)

Huruf **طَسَم**

- Permulaan Surah asy-Syu'ara' (26: 1)
- Permulaan Surah al-Qasas (28: 1)

- **Kelompok yang terdiri daripada 4 huruf**, terdapat dalam 2 surah, iaitu **الر** (QS al-Ra'd) dan **ص** (QS al-A'raf).

- **Kelompok yang terdiri daripada 5 huruf** terdapat dalam 1 surah, iaitu **كهيعص** terdapat dalam surah Maryam.

c. **Pembukaan dengan panggilan (al-istiftah bin nidâ)**

Allah membuka surah dengan panggilan seperti panggilan kepada Rasulullah SAW dalam surah al-Ahzab ayat 1:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ اتَّقِ اللَّهَ وَلَا تُطِعِ الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ ۚ
إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya: “Wahai Nabi! Tetaplah bertakwa kepada Allah, dan janganlah engkau patuhi kehendak orang-orang kafir dan orang-orang munafik. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

d. **Pembukaan dengan jumlah khabariyah (Pernyataan Berita)**

Terdapat surah yang dimulakan dengan pengkhabaran berita sama ada ditujukan kepada Rasulullah atau umatnya. Surah an-Nur, ayat 1:

سُورَةٌ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لَّعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: “Ini ialah satu ‘surah’ yang Kami turunkan, dan Kami wajibkan hukum-hukumnya, serta Kami turunkan padanya ayat-ayat keterangan yang nyata supaya kamu beringat (mengamalkannya).”

e. Pembukaan dengan sumpah (al-istiftah bil qasam)

Surah as-Saffat ayat 1:

وَالصَّافَّاتِ صَفًّا

Maksudnya: “Demi (hamba-hamba-Ku) yang berbaris secara berderet-deret.”

f. Pembukaan dengan syarat (al-istifat bis syarat)

Allah SWT menyebutkan kejadian-kejadian tertentu dengan mengaitkannya dengan syarat dengan sebutan kalimah إِذَا iaitu apabila. Penyebutan syarat tersebut pada permulaan surah-surah tertentu untuk menunjukkan bahawa kejadian itu merupakan hal yang pasti akan terjadi, bukan hal yang mungkin terjadi atau mustahil terjadi. Surah al-Zalzalah, ayat 1:

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا

Maksudnya: “Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya.”

g. Pembukaan dengan perintah (al istiftah bil amr)

Allah membuka surah-surah tertentu dengan menekankan al-amr (perintah)-Nya yang diarahkan kepada Rasulullah, yang juga kepada umatnya. Surah al-Kafirun ayat 1:

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Hai orang-orang kafir!’”

h. Pembukaan dengan pertanyaan (al istiftah bil istifham)

Pertanyaan-pertanyaan Allah itu bukanlah bererti Allah SWT tidak mengetahui masalah-masalah di sebalik pertanyaan, tetapi sebagai metod atau kaedah penjelasan yang ingin Allah sampaikan dengan dimulai dengan persoalan. Surah al-Insyirah, ayat 1:

أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ

Maksudnya: “*Bukankah Kami telah melapangkan bagimu: dadamu (wahai Muhammad serta mengisinya dengan iman dan hidayah petunjuk)?*”

i. Pembukaan dengan doa (Al Istiftah bid du’a)

Surah al-Humazah, ayat 1:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ

Maksudnya: “*Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji.*”

j. Pembukaan dengan alasan (al istiftah bit ta’lil)

Seperti dalam surah Quraisy, ayat 1. Allah SWT mengedepankan penjelasan alasan (at-ta’lil). Alasan dalam surah itu didahulukan terlebih dahulu daripada sesuatu yang ingin diperintahkan-Nya seperti yang diletakkan pada ayat 3. Dalam kata lain, dalam surah ini Allah SWT lebih mendahulukan keterangan alasan daripada penyebutan sesuatu yang seharusnya dilakukan (taqdim Al-ta’lil ‘anil amri). Oleh itu, Allah memerintahkan sesuatu dengan terlebih dahulu disampaikan alasannya agar perintah yang disampaikan itu benar-benar diperhatikan atau dijalankan. Surah Quraisy ayat 1:

لَا يَلْفُ قُرَيْشٍ

Maksudnya: “*Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Makkah).*”

Ayat 3:

فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ

Maksudnya: “*Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini.*”

❖ Mukjizat Ilmiah

Menurut pendapat mukjizat ilmiah al-Quran, al-Quran adalah kitab yang mengandung kebenaran dalam pelbagai bidang ilmu khususnya sains, yang pada saat diturunkannya, ilmu-ilmu tersebut belum ditemukan sehingga pada waktu itu masih berada di luar kemampuan manusia untuk menerokainya. Dengan diungkapkan terlebih dahulu dalam al-Quran, maka itu menjadi bukti al-Quran adalah mukjizat Nabi Muhammad SAW dan bersumberkan daripada Allah SWT. Mukjizat ilmiah al-Quran merujuk kepada fakta-fakta saintifik atau pengetahuan yang dinyatakan dalam al-Quran pada zaman Nabi Muhammad SAW yang baru dapat dipastikan atau ditemukan melalui penelitian ilmiah pada zaman moden. Unsur pemikiran dan kajian melalui i`jāz `ilmiy akan menyerlahkan lagi pemahaman terhadap ayat-ayat al-Quran tersebut. Hal ini menjadi dorongan kepada manusia menggunakan akal untuk berfikir tanda kebesaran-Nya seperti dalam surah al-Baqarah, ayat 219:

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: *“Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) supaya kamu berfikir.”*

Contoh Petunjuk Ilmiah dalam Quran

- **Penciptaan serangga kecil, iaitu nyamuk dalam surah al-Baqarah ayat 26:**

إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا ۚ فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ ۚ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَٰذَا مَثَلًا ۚ يُضِلُّ بِهِ ۚ كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ ۚ كَثِيرًا ۚ وَمَا يُضِلُّ بِهِ ۚ إِلَّا الْفَاسِقِينَ

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmahnya), iaitu kalau orang-orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar daripada Tuhan mereka; dan kalau orang-orang kafir pula maka mereka akan berkata: ‘Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?’ (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik.”*

Ayat 26 surah al-Baqarah telah membincangkan tentang nyamuk betina bukannya nyamuk jantan. Hal ini demikian kerana hanya nyamuk betina yang menghisap darah sama ada darah haiwan atau manusia. Nyamuk betina menghisap darah kerana ia memerlukan untuk proses perkembangan telur. Manakala nyamuk jantan tidak menghisap darah tetapi memakan cairan tumbuhan, iaitu manisan bunga atau cairan buah yang membusuk. Justeru, daripada ayat al-Quran, Allah SWT telah membuat suatu perumpamaan kepada manusia mengenai nyamuk betina yang banyak mempengaruhi kehidupan manusia itu sendiri.

Pada tahun 1902, Sir Ronald Ross telah berjaya menghasilkan satu pembuktian kajian berkenaan penyakit malaria yang mengorbankan ramai nyawa manusia. Beliau membuat kajian tentang malaria selama lebih kurang 18 tahun, iaitu dari tahun 1881 sehingga 1889. Beliau telah berjaya membuktikan bahawa penyakit malaria dibawa oleh sejenis nyamuk yang dikenali sebagai nyamuk Anopheles.¹ Sedangkan hal ini telah dinyatakan dalam Quran sejak berabad-abad lamanya. Ini adalah salah satu pembuktian mukjizat al-Quran dari sudut ilmiah.

● Khasiat Madu Lebah

Kehidupan lebah dan kewujudannya sangat banyak memberi manfaat kepada manusia. Lebah madu adalah antara keajaiban haiwan yang Allah sebutkan dalam al-Quran dan terbukti sehingga kini banyak ubatan atau produk kesihatan yang berunsurkan madu lebah kerana terdapat banyak khasiat di dalamnya. Surah an-Nahl, ayat 68 dan 69:

وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنِ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ

Maksudnya: *“Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia.”*

ثُمَّ كُلِي مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا ۚ يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَنُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِّلنَّاسِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: *“Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu”. (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia*

¹ Cox, F.E. *History of The Discovery of The Malaria Parasites and Their Vectors*. Parasites Vectors 3, 5 (2010).
<https://doi.org/10.1186/1756-3305-3-5>

(daripada berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.”

● Pengharaman Zina

Dalam hal pelarangan zina, al-Quran menggunakan metod preventif atau pencegahan melalui surah al-Isra', ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”*

Pengharaman zina terbukti merupakan suatu tuntutan ajaran agama yang sangat mulia dalam melindungi hak-hak asasi manusia. Bahkan ia juga demi kemaslahatan umat serta menghindari pelakunya daripada kemungkinan dijangkiti virus HIV atau AIDS yang berbahaya.

❖ Mukjizat Tasyri'iyah (Hukum)

Manusia merupakan makhluk sosial yang dalam kehidupannya saling memerlukan satu sama lain. Kerjasama antara sesama manusia merupakan tuntutan sosial yang harus dilakukan oleh umat manusia. Akan tetapi, manusia sering kali berbuat zalim sesama mereka. Jika dibiarkan tanpa peraturan atau undang-undang yang membatasi kehidupannya dan menjaga hak-hak dan kehormatannya, sudah pasti kehidupan mereka akan menjadi kucar-kacir. Maka dengan itu, manusia harus mempunyai sistem dan tasyri' (undang-undang) yang mengatur kehidupannya demi mewujudkan keadilan sejagat.

l'jaz Tasyri' boleh didefinisikan sebagai mukjizat yang menetapkan tentang undang-undang dan hukum-hukum syariat Islam. Di dalam al-Quran, terdapat beberapa ayat yang menceritakan mengenai perundangan yang bertujuan mendidik manusia supaya mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam al-Quran.

Peraturan serta undang-undang Islam ini tetap wujud dan tetap ada bertujuan untuk menjaga, memelihara dan melindungi manusia daripada sebarang keburukan yang

berkemungkinan akan berlaku. Pembuktian ke'ijazan hukum syariat berdasarkan lima elemen maqasid adalah seperti berikut:

- **Memelihara Pegangan Hidup, iaitu Agama Islam**

Al-Quran mengemukakan hukuman yang setimpal ke atas mereka yang keluar daripada agama Islam, iaitu hukuman bunuh adalah untuk memelihara nilai-nilai kemanusiaan agar tidak terkeluar daripada norma hidup yang sebenar kerana kehidupan yang sebenar itu ialah kehidupan yang berpegang teguh kepada prinsip ketuhanan dan kehidupan yang sentiasa terikat erat dengan tali akidah terhadap Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 217:

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ ۖ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya: *“Dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya).”*

Hukuman yang dikemukakan itu bertujuan untuk memelihara pegangan agama kerana ia merupakan batu asas yang menjadi teras dalam diri seseorang. Sekiranya hukuman ini tidak diwujudkan, maka manusia akan bebas keluar masuk agama sesuka hati dan perkara ini akan melemahkan pegangan dan pergantungan hidup manusia terhadap Allah.

- **Memelihara Nyawa Manusia**

Al-Quran menetapkan peraturan dan undang-undang yang melarang segala perbuatan yang dapat membahayakan keselamatan diri sendiri atau orang lain, termasuk tindakan kekerasan seperti mencederakan atau melukai orang lain serta membunuh kerana itu telah termasuk dalam dosa-dosa besar. Firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 178:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ ۖ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ ۖ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ ۚ فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتِّبَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ۚ ذَٰلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ ۚ فَمَنِ اعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ ١٧٨

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman ‘qisas’ (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu: Orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan. Maka sesiapa (pembunuh) yang dapat sebahagian keampunan daripada saudaranya (pihak yang terbunuh), maka hendaklah orang yang mengampunkan itu) mengikut cara yang baik (dalam menuntut ganti nyawa), dan (si pembunuh pula) hendaklah menunaikan bayaran ganti nyawa itu) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah suatu keringanan daripada Tuhan kamu serta suatu rahmat kemudahan. Sesudah itu sesiapa yang melampaui batas (untuk membalas dendam pula), maka baginya azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”*

- **Memelihara Akal Fikiran**

Al-Quran mengemukakan peraturan dan undang-undang yang jelas dan terang terhadap mereka yang sengaja mencederakan akal dalam kehidupan seharian seperti meminum arak atau penyalahgunaan dadah atau terlibat dengan pil-pil khayal. Hal ini demikian kerana kesan buruknya akan mengakibatkan orang sekeliling seperti kes pembunuhan atau langgar lari akibat mabuk. Firman Allah dalam surah al-Ma'idah, ayat 90:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رَجَسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”*

Al-Quran melarang keras ke atas umatnya meminum arak dan terlibat dalam unsur-unsur yang boleh memabukkan kerana ternyata perkara tersebut boleh membawa lebih banyak keburukan kepada akal manusia. Mereka yang terlibat lebih berpotensi untuk melakukan banyak jenayah lain dan pelbagai kemungkaran. Maka, rasional mengenai ke'ijazan hukuman ini dilihat dari sudut pelaksanaan hukuman sebat yang bertujuan untuk membangkitkan kesedaran akal.

- **Memelihara Keturunan**

Al-Quran mengemukakan peraturan dan undang-undang yang sangat adil untuk memelihara keturunan, kehormatan dan maruah manusia. Al-Quran telah membuat garis panduan agar menjauhkan diri daripada melakukan muqaddimah zina. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”*

Maka, keijazan pelaksanaan hukuman ini bertujuan untuk penjagaan masalah kemanusiaan dalam menjaga nasab keturunan dan maruah.

- **Menjaga Harta**

Al-Quran telah menyediakan peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan harta benda bertujuan untuk penjagaan dan pemeliharaan daripada kecurian, salah laku atau seumpamanya. Mereka yang melakukan perbuatan mencuri setelah cukup dengan syarat-syaratnya akan dikenakan hukuman potong tangan seperti firman Allah dalam surah al-Ma'idah ayat 38:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا

Maksudnya: *“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri, maka (hukumnya) potonglah tangan mereka.”*

PENUTUP

Firman Allah dalam surah al-An'am, ayat 155:

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: *“Dan ini sebuah Kitab (Al-Quran) yang Kami turunkan, yang ada berkatnya (banyak manfaatnya). Oleh itu, hendaklah kamu menurutinya; dan bertakwalah (kepada Allah), mudah-mudahan kamu beroleh rahmat.”*

Semoga kita sama-sama memanfaatkan mukjizat yang ada pada al-Quran serta mengambil sepenuh manfaat daripadanya.

RUJUKAN

Arab

Mabahith fi ulumil Quran ditulis oleh Sheikh Manna al Qattan Al-Itqan fi Ulumul Quran
Karangan 'Allamah Jalaluddin Suyuti.

Melayu

Dr. Abdul Wahid Salleh, Dr. Firdaus Khairi bin Abdul Kadir & Ahmad Mubarak bin AB
Razak. *Pengenalan Pengajian Ulum Quran*.